

26/02/1997

PM minta Myanmar bantu kepulangan rakyatnya

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kerajaan Myanmar membantu Malaysia menghantar pulang 8,000 rakyat negara itu yang memasuki negara ini secara tidak sah.

Perdana Menteri juga meminta bantuan Myanmar mengenal pasti rakyatnya yang sebelum ini dilaporkan menghadapi masalah untuk dihantar pulang kerana kerajaan Yangon tidak menganggap mereka sebagai warganegaranya.

Beliau membuat permintaan itu ketika menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Myanmar, Naib Laksamana Maung Maung Khin di Jabatan Perdana Menteri di sini, kata Setiausaha Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik Selatan Kementerian Luar, Mohd Arshad M Hussain.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob minggu lalu berkata, selagi Myanmar enggan mengiktiraf kewarganegaraan pendatang tanpa izin itu, Malaysia akan menghadapi masalah untuk menghantar mereka pulang.

Malaysia juga menghadapi kesukaran mendapatkan bantuan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) menghantar pulang pendatang tanpa izin itu kerana UNHCR menganggap mereka bukan orang pelarian kerana tiada peperangan berlaku di Myanmar.

Dr Mahathir memaklumkan bahawa Malaysia tidak menghalang warganegara asing bekerja di negara ini tetapi dengan syarat mereka memasuki negara ini mengikut peraturan yang ditetapkan, kata Mohd Arshad selepas pertemuan itu.

Selain itu, Perdana Menteri juga meminta Kerajaan Myanmar menyediakan insentif bagi menarik lebih ramai pelabur khususnya dari Malaysia untuk menanam modal di negara itu.

Dr Mahathir yakin pelabur Malaysia mampu memainkan peranan dalam membantu pembangunan ekonomi Myanmar, katanya.

Perdana Menteri juga bertanyakan situasi di Myanmar yang dianggapnya perlu sentiasa stabil bagi menarik dan menanam kepercayaan serta keyakinan terhadap pelabur.

Mengenai penyertaan Myanmar ke dalam Asean, katanya, Dr Mahathir berharap negara itu bersama-sama Laos dan Kemboja dapat menyertai pertubuhan serantau itu secepat yang boleh.

Mohd Arshad berkata, antara perkara yang turut dibangkitkan dalam pertemuan itu ialah projek keretapi merentasi Asia dari Singapura hingga ke bandar Kunming di Selatan China dan telekomunikasi.

Dr Mahathir telah meminta Myanmar supaya turut serta dalam projek itu dan menyediakan landasan keretapi menyambungkan negara itu dengan Thailand dan kemudian terus ke China menerusi Laos dan Kemboja.

Dalam pertemuan itu, Maung Maung Khin memberikan jaminan bahawa situasi politik di negaranya semakin baik dan mengharapakan lebih ramai pelabur Malaysia menanam modal di sana.

Selain itu, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas kesanggupan Malaysia menyewakan pesawat komersil kepunyaan Penerbangan Malaysia kepada syarikat penerbangan negaranya. - Bernama

(END)